

Artikel

**Kata Kerja Tanpa Argumen Dalam Bahasa Melayu**  
(Zero-Argument Verbs in Malay)

Lian Ching Wei, Nasrun Alias\* & Angelin Lee Chai Siah

Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [nursan@ukm.edu.my](mailto:nursan@ukm.edu.my)

Diserah: 02 Mei 2025

Diterima: 02 Ogos 2025

**Abstrak:** Makalah ini bertujuan menghuraikan kata kerja tanpa argumen dalam bahasa Melayu. Secara umum, kata kerja dalam bahasa Melayu sering dianggap mempunyai argumen sama ada berbentuk subjek ataupun objek dalam binaan ayatnya. Walau bagaimanapun, belum terdapat kajian mendalam yang meneliti secara khusus kata kerja tanpa argumen dalam bahasa Melayu. Ramli (1995) pernah menyentuh tentang subjek pleonastik di dalam bukunya. Namun, perbincangan tersebut hanya bersifat sepintas lalu dan tidak pernah dikaji secara mendalam sehingga kini. Sehubungan itu, kajian ini menumpukan dua jenis kata, iaitu *hujan* dan *panas* yang boleh berfungsi sebagai kata kerja. Menurut Kamus Dewan Perdana, kata *hujan* berstatus kata nama, manakala *panas* termasuk dalam golongan kata adjektif. Dengan kata lain, bagi membuktikan bahawa bahasa Melayu mempunyai/memiliki kata kerja tanpa argumen, kata kerja cuaca *hujan* dan *panas* dipilih atas rasional bahawa kata-kata ini dapat berfungsi sebagai predikat yang berdiri sendiri tanpa sebarang argumen, termasuk frasa nama subjek dalam ayat. Kajian ini hanya menumpukan pada kata kerja cuaca dalam bahasa Melayu baku. Dapatan kajian membuktikan bahawa kata kerja cuaca ialah sejenis kata kerja tanpa argumen dalam bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana bahasa Melayu tergolong ke dalam jenis bahasa *pro-drop* (subjek boleh digugurkan) dan tidak memerlukan subjek nyata, mahupun subjek pleonastik. Dengan erti kata lain, bahasa Melayu kadangkala tidak memerlukan subjek nyata (*overt subject*) di dalam binaan ayatnya. Kajian ini membuktikan bahawa kata *hujan* dan *panas* boleh berdiri sendiri sebagai unsur predikat, dan boleh didahului atau diikuti oleh frasa adverba.

**Kata kunci:** Kata kerja; struktur argumen; subjek pleonastik; bahasa *pro-drop*; subjek nyata

**Abstract:** This paper aims to elaborate on verbs without arguments in the Malay language. Generally, Malay verbs are considered to possess arguments, whether subject arguments or object arguments within sentence constructions. However, no in-depth study has been conducted on verbs without arguments in Malay. Ramli (1995) briefly touched on the concept of pleonastic subjects in his book. Nevertheless, his discussion was only mentioned in passing and has not been examined thoroughly to date. Therefore, this study focuses on two types of words *hujan* (rain) and *panas* (hot) which can function as verbs. According to the Kamus Dewan Perdana, *hujan* is categorized as a noun, while *panas* falls under the adjective class. In other words, to demonstrate that Malay has verbs without arguments, the weather-related verbs *hujan* and *panas* are selected based on their rationale as weather verbs that can stand alone without any arguments, namely without a subject noun phrase in the sentence. In this regard, the study will concentrate solely on weather verbs in standard Malay. The findings confirm that weather verbs are a type of verb without arguments in Malay. This is because Malay is classified as a *pro-drop* language (where the subject can be omitted) and does not require any subject,

including pleonastic subjects. In other words, Malay sometimes does not require an overt subject in its sentence structure. This study demonstrates that *hujan* and *panas* can stand independently as predicate elements and may be preceded or followed by adverbial phrases.

**Keywords:** Verbs; argument structure; pleonastic subject; pro-drop language; overt subject

## Pengenalan

Dalam bahasa Melayu, kata kerja (KK) merupakan kategori kata yang memainkan peranan yang sangat penting dalam sesuatu ayat. KK bukan sahaja mendukung makna perbuatan semata-mata, tetapi KK juga dapat menentukan jumlah kehadiran kata nama (atau frasa nama) dalam sesuatu ayat. Dengan erti kata lain, sesuatu kata nama (KN) atau frasa nama (FN) hanya akan hadir jika diperlukan oleh KK. Berdasarkan kerangka teori Kuasaan dan Tambatan (1993), KN atau FN yang hadir dalam sesuatu ayat itu diistilahkan sebagai argumen, atau dipanggil juga Struktur Argumen. Untuk menyelidik jumlah kehadiran argumen yang diperlukan oleh KK, maklumat pemilihan kategori sintaksis diperlukan (Ramli 2006). Sorotan literatur sistematik mutakhir turut menunjukkan bahawa dalam kerangka Program Minimalis, perbincangan tentang dialek Melayu menekankan peranan kata kerja dalam menentukan kehadiran argument termasuklah pembezaan antara kata kerja tak ergatif (argumen luaran) dan tak akusatif (argumen dalaman) (Alizuddin, Mohamed Sultan, & Hamzah, 2024).

Dengan hipotesis bahawa sesuatu frasa kerja (FK) itu diprojeksikan daripada KK transitif yang merupakan kepala, argumen atau objek langsung, wajib hadir sesudahnya. Sebaliknya, jika FK itu diprojeksikan daripada KK tak transitif sebagai kepala, tiada argumen yang diperlukan, melainkan KK tak transitif tersebut merupakan KK tak transitif berpelengkap. Sekiranya FK itu diprojeksikan daripada KK dwitransitif, maka dua argumen wajib hadir sesudahnya untuk berfungsi sebagai objek langsung, dan objek tidak langsung. Pada tahap ini, andaian semua KK yang diuraikan di atas mempunyai subjek mengikut kerangka subkategorisasinya, iaitu subjek (argumen) yang dikuasai oleh KK secara tidak langsung. Contohnya:


1. *Shaun makan roti.*
2. *Shaun tidur.*
3. *Shaun menghadiahi ibu sekuntum bunga.*

Pada masa yang sama, sesuatu KK itu turut dapat menentukan peranan KN dalam sesuatu ayat. Aspek ini berkait dengan aspek pemilihan semantik. Berdasarkan teori Teta, sesuatu KN dapat mendukung peranan seperti agen, penderita, pengalami, tempat dan lain-lain (Haegeman 1991; 2002; Ramli 2006). Hal ini menunjukkan betapa berkuasanya peranan KK.

4. *Shaun membeli buku.*

Dengan merujuk ayat (4), KK *membeli* ialah KK transitif, manakala argumen *buku* ialah KN objek. Argumen *Shaun* pula hadir sebagai subjek dalam ayat tersebut. Dalam hal ini, KK *membeli* menguasai argumen *buku* secara langsung. Hal ini dikatakan demikian kerana KK transitif *membeli* mewajibkan kehadiran argumen *buku* sebagai objeknya. Dari segi peranan argumennya, argumen *Shaun* berperanan sebagai agen, manakala argumen *buku* berperanan sebagai sumber. Tanpa argumen *buku*, ayat yang gramatis dari segi bentuk dan semantik tidak dapat dihasilkan. Pada sisi lain, dapat dilihat bahawa argumen *Shaun* yang hadir sebagai subjek, dikuasai secara tidak langsung oleh KK *membeli*. Di samping itu, argumen *buku* pula dikuasai secara langsung oleh KK *membeli*. Dalam hal ini, Hale (1983) menegaskan bahawa argumen luaran

(*Shaun*) lebih tinggi kedudukannya dalam struktur argumen jika dibandingkan dengan argumen dalaman (*buku*). Lihat Rajah 1 di bawah:



Rajah 1: Representasi X-Berpalang ayat 4

Dalam analisis struktur argumen, unsur argumen dalaman (internal) dan luaran (eksternal) juga dapat direpresentasikan dengan menggunakan notasi tulisan seperti berikut:

- i. membeli (agen, sumber);
- ii. membeli (x (y));  
agen sumber

Notasi tulisan ini dapat menunjukkan dua maklumat, iaitu (i) asimetri antara argumen internal yang kesemuannya dalam konstituen predikat yang sama dan argumen luaran yang berada dalam konstituen yang berbeza, dan (ii) maklumat peranan yang diberikan oleh KK kepada argumen seperti agen, dan sumber pada KK *membeli*. Berpandukan notasi tulisan di atas boleh diramalkan bilangan argumen yang diperlukan oleh KK. Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris merupakan dua bahasa yang berbeza. Menurut Ramli (1995), bahasa Melayu termasuk dalam golongan bahasa yang bersifat *pro-drop*, manakala bahasa Inggeris tergolong dalam golongan bahasa *non-pro-drop*. Bahasa *non-pro-drop* merujuk kepada jenis bahasa yang Frasa Nama subjeknya tidak boleh digugurkan. Dalam bahasa *pro-drop* pula, seperti Sepanyol, Itali dan Jepun, kata ganti nama subjek selalunya boleh ditinggalkan kerana konjugasi kata kerja atau konteks ayat sudah menunjukkan subjek. Walau bagaimanapun, dalam bahasa bukan *pro-drop*, kata ganti nama biasanya diperlukan dan tidak boleh ditinggalkan tanpa menyebabkan kekeliruan atau kekaburan dalam ayat.

Dalam bahasa Inggeris, subjek secara amnya, wajib dan mesti wujud dalam sesuatu ayat. Hal ini dikatakan demikian kerana FN subjek dalam ayat bahasa Inggeris lazimnya diisi dengan subjek pleonastik *it* dan *there* agar FN subjeknya nyata pada struktur luaran. Subjek pleonastik digelar sebagai elemen *dummy* yang mengisi kedudukan FN subjek tanpa maklumat semantik (Rothstein 1995). Tuntutan utama mengenai pleonastik yang dibuat dalam Teori Kuasaan dan Tambatan adalah bahawa subjek pleonastik hanya berlaku dalam kedudukan subjek klausa (Chomsky 1981). Kedudukan ini diunjurkan secara sintaksis dan bukan secara tematik. Oleh itu, kedudukan FN subjek mesti diisi walaupun subjek tersebut tidak mempunyai hubungan semantik. Lihat contoh 5 seperti berikut:

5. (a) *It* seems to be raining.

(b) *There* seems to be a unicorn in the garden.

(Davies dan Dubinsky 2004:7)

Fenomena bahasa ini tidak wujud dalam bahasa Melayu yang termasuk dalam kategori bahasa *non-pro-drop* kerana Bahasa Melayu tidak mempunyai subjek pleonastik yang selari dengan subjek pleonastik *it* dan *there* dalam bahasa Inggeris (lihat Mashudi 1981). Lihat contoh berikut yang dipetik daripada Ramli (1995):

6. (a) [subjek \_\_\_\_ [FK predikat adalah terang bahawa awak telah membuat satu kesilapan]].

(b) [subjek \_\_\_\_ [FK predikat adalah dipercayai bahawa dunia ini bulat]].

(c) [subjek \_\_\_\_ [FK predikat ada seorang lelaki di dalam taman]].

(d) [subjek \_\_\_\_ [FK predikat ada dijumpai di bawah pokok takar berisi emas]].

(e) [subjek \_\_\_\_ [FK predikat ada seorang budak berdiri di atas tembok itu]].

Dengan merujuk contoh 6 di atas, dapat dilihat bahawa bahasa Melayu tidak mempunyai subjek pleonastik yang sepadan dengan *it* dan *there* dalam bahasa Inggeris. Kelima-lima contoh di atas menunjukkan ayat tersebut terdiri daripada unsur FK predikat sahaja, manakala konstituen subjeknya adalah kosong tanpa sebarang pengisian unsur leksikal. Kategori atau unsur leksikal ialah leksikal yang mempunyai makna utuh iaitu kata nama, kata adjektif dan kata kerja (Fazal & Syafika Atika 2021). Walau bagaimanapun, hasil penulisan Ramli (1995) tidaklah memfokuskan perbincangan tentang keterkaitan subjek pleonastik dengan KK bahasa Melayu secara terperinci. Dengan erti kata lain, kajian beliau kurang memberikan penjelasan secara berpada dan komprehensif tentang (i) struktur dan jenis KK bahasa Melayu yang tidak mempunyai subjek pleonastik dan (ii) unsur-unsur lain seperti adverba yang berfungsi untuk menerangkan KK. Untuk menjelaskan permasalahan ini dengan lebih lanjut, lihat contoh 7 berikut:

7. (a) \_\_\_\_ mendung *semalam*;

\_\_\_\_ *semalam* mendung

Dengan merujuk contoh 7 di atas, dapat dilihat bahawa *mendung* ialah KK cuaca yang diikuti dengan unsur *semalam*. Unsur *semalam* ialah unsur bahasa yang berfungsi sebagai unsur adverba (frasa adverba). Berdasarkan Allsop (1983) & Nasrun & Shafiqah Amirah (2020), mereka berpendapat bahawa adverba boleh hadir pada tiga posisi, iaitu posisi pangkal ayat (sebelum subjek), posisi tengah ayat (sebelum FK), dan posisi akhir ayat (selepas predikat). Namun begitu, terdapat adverba yang hanya boleh hadir pada posisi tertentu berdasarkan kesesuaian ayat. Sehubungan itu, merujuk kembali contoh 7, frasa adverba *semalam* dapat dibuktikan kehadirannya sebelum dan sesudah KK cuaca *mendung* dengan berfungsi menerangkannya dari segi masa. Dalam hal ini, frasa adverba *semalam* tidaklah berfungsi untuk mengisi kekosongan dalam nodus subjek tetapi hanya mengalami proses inversi (pendepanan) ke hadapan kata kerja semata-mata.

Berdasarkan permasalahan di atas, kajian-kajian lepas membuka ruang perbincangan yang baharu. Hal ini dikatakan demikian kerana KK bahasa Melayu bukan sahaja mengambil argumen subjek dan argumen objek dalam sesuatu ayat, malahan dapat dikenal pasti juga, terdapat KK yang tidak memerlukan sebarang argumen. Dengan erti kata lain, KK dalam bahasa Melayu amatlah dominan. Hal ini kerana terdapat beberapa jenis KK bahasa Melayu yang tidak memerlukan argumen subjek untuk membentuk ayat yang sempurna. Oleh

itu, objektif kajian ini adalah untuk (i) mengenal pasti jenis KK yang tidak mempunyai subjek pleonastik, dan (ii) menghuraikan unsur-unsur lain yang hadir seperti adverb yang berfungsi untuk menerangkan KK melalui teori Struktur Argumen.

### Sorotan Literatur

Kata Kerja (KK) bukan sahaja boleh dianalisis dari segi struktur, tetapi juga dapat dianalisis dari aspek semantik (Rusdiyah, 2009). Beberapa pengkaji tempatan seperti Zaba (2000), Nik Safiah Karim et al. (2015), Mohd Ra'in (2004), Asmah (2009), dan Fazal et al. (2010) pernah membincangkan struktur kata kerja. Dalam aspek semantik pula, terdapat beberapa pengkaji seperti Maslida et al. (2008; 2010), Nurul Jamaliah & Maslida (2018), dan Ahmad Syafiq et al. (2023) pernah menggunakan teori Peranan dan Rujukan (*Rules and References*) untuk mengkaji KK bahasa Melayu.

Mohd Ra'in (2004) dan Fazal et al. (2010) memanfaatkan data KK transitif sebagai data kajian. Namun begitu, kedua-dua pengkaji ini mengkaji KK dari perspektif yang berbeza. Mohd Ra'in (2004) membincangkan fenomena objek sifat dengan KKT *meN-...-kan* dalam bahasa Melayu. Umumnya, para penahu seperti Zaba (2000), Nik Safiah et al. (2015), dan Asmah (2009) berpendapat bahawa KK transitif wajib diikuti dengan objek. Namun begitu, beliau mempunyai pandangan yang berbeza dalam perkara ini. Hasil dapatan Mohd Ra'in (2004) membuktikan terdapat fenomena objek sifar dalam frasa kerja transitif sekali gus membolehkan struktur KK transitif + Objek Sifar terhasil dalam bahasa Melayu dengan berdasarkan teori Linguistik Kognitif dan teori Relevans. Menurut Fazal et al. (2010) pula, hasil dapatan beliau membuktikan kehadiran di antara KK dan KN dibenarkan kehadiran *lagi* yang berfungsi sebagai ajung. Hal ini dikatakan demikian kerana kehadiran ajung tidak mengejalang urutan di antara KK transitif dengan objeknya, iaitu KN.

Maslida et al. (2008; 2010) mengaplikasikan pendekatan semantik untuk mengklasifikasikan dan mengelaskan KK bahasa Melayu berdasarkan makna leksikal KK. Pendekatan semantik yang diaplikasikan ialah pendekatan dekomposisi semantik (leksikal) yang mengikut kelas aktionsart untuk menggambarkan makna leksikal KK. Dalam kajian ini, beliau menghuraikan sifat dan lakuan KK berdasarkan ciri-ciri inheren dengan memberikan fokus terhadap KK gerak. Hasil dapatannya menunjukkan bahawa hanya melibatkan KK keadaan, aktiviti, pencapaian dan penyempurnaan. Dalam kajiannya ini, beliau berjaya membuktikan satu set ujian sintaksis dan semantik untuk mengelaskan kelas KK dalam bahasa Melayu dengan rujukan kepada ujian sintaksis sebagaimana yang dianjurkan dalam teori *Role and Reference Grammar*. Pada 2010 pula, Maslida et al. meneliti perkaitan semantik KK dalam varian Kuin, Bahasa Banjar. Hasil dapatan menunjukkan KK bahasa tersebut mempunyai cebisan semantik yang sama boleh diungkapkan dalam KK yang berlainan. Beberapa contoh KK seperti *berlari*, *berjalan* dan *merangkak* berkorespondensi cebisan semantik yang sama, iaitu cara gerak. Namun begitu, setiap daripada KK tersebut mempunyai ciri semantik tambahan yang membezakan setiap perlakuan yang diterangkan oleh KK tersebut, iaitu *berlari* (+laju), *berjalan* [-laju], dan *merangkak* [+lutut].

Nurul Jamaliah dan Maslida (2018), dalam kajiannya bertujuan untuk mengkaji leksikal KK bersifat kausatif dalam merepresentasikan struktur argumen dan hubungannya dengan sintaksis. Beberapa leksikal KK, seperti *bunuh*, *paksa*, *membenarkan*, dan *buntu* daripada kelas organisasi semantik struktur konseptual difokuskan dengan menggunakan data Pangkalan Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai data kajian. Analisis dalam kajian ini menggunakan teori Struktur Konseptual. Hasil kajian menunjukkan empat komponen makna kausatif, iaitu hadir dalam makna yang berbeza seperti sebab itu berlaku, memungkinkan keadaan sebab berlaku atau tidak berlaku, sebab berlaku sesuatu kebenaran dan sebab pertolongan diberikan. Menurut pengkaji, pemetaan leksikal kausatif kepada hubungan sintaksis juga dapat melengkapkan organisasi struktur konseptual khususnya dalam memperincikan struktur ayat. Tatatingkat pemetaan ini dilihat lebih ekonomi dan fleksibel dalam menghubungkan setiap argumen kata kerja kausatif ini pada peringkat struktur konseptual dan sintaksis.

Ahmad Syafiq & Abdullah Zawawi et al. (2023) turut melakukan kajian terhadap KK bahasa Melayu. Kajian ini bertujuan untuk mengemukakan analisis baharu terhadap transitiviti *ada* yang mempunyai fungsi sebagai K kewujudan dengan menggunakan sintaksis Minimalis. Kajian ini memanfaatkan pangkala Korpus

Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai sumber data kajian. Hasil kajian membuktikan KK ada berfungsi sebagai K dan dijana pada posisi kepala K dalam struktur Cangkerang Fk. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa KK *ada* dalam struktur kewujudan dwitransitif *Ada-DP-Fprep* diprojeksikan pada aras leksikon, dan berlaku penyemakan dan pepadaman fitur dalam aras numerasi. Oleh itu, dakwaan sarjana lepas yang mengatakan *ada* hanya hadir dalam ayat transitif adalah kurang tepat kerana lexis ini juga dapat hadir secara gramatis dalam konstruksi dwikomplemen, iaitu sebagai K dwitransitif.

Pada sisi lain, Morenberg (2014) sebagai pengkaji barat menyatakan bahawa KK dapat dibezakan berdasarkan jenisnya. Setiap jenis KK ini ditentukan mengikut jenis perkataan yang hadir bersamanya serta hubungan yang terjalin antara perkataan-perkataan ini dengan KK. KK dapat dibahagikan kepada tiga jenis, iaitu (i) KK transitif (*transitive verb*), KK tak transitif (*intransitive verb*), KK ditransitif (*ditransitive verb*), dan KK transitif berganda (*double transitive verb*). Sesetengah KK mempunyai penggunaan gramatikal khusus, iaitu komplemen - KK kopula (*be*), KK (*do*) yang digunakan dalam ayat tanya dan ayat negasi, serta *tense* atau *auxiliaries* (*be, have can*). Menurutny, KK juga berbentuk tidak finit dan memperlihatkan pelbagai bentuk seperti infinit, partikel dan *gerunds*.

Kajian Jackendoff (2002) pula memperlihatkan pengkategorian KK yang hampir sama dengan Morenberg (1997). Berdasarkanny, bilangan argumen yang diambil oleh KK yang dinamai *valancy* atau *valance*. KK ini dapat diklasifikasikan kepada KK *valency*nya, iaitu KK avalent, Kk tak transitif, KK transitif dan KK ditransitif. Beliau tidak memberikan contoh KK yang mengambil empat argumen seperti berikut:

8. [Pat<sub>arg 1</sub>] sold [Chris<sub>arg 2</sub>] [a lawnmower<sub>arg 3</sub>] for [\$ 20<sub>arg 4</sub>].
9. [Chris<sub>arg 1</sub>] paid [Pat<sub>arg 2</sub>] [\$ 20<sub>arg 3</sub>] for a [lawnmower<sub>arg 4</sub>].

### Kata Kerja dan Argumennya

Untuk kajian-kajian lepas tentang argumen pula, pengkaji-pengkaji tempatan yang pernah melakukan kajian adalah seperti Nor Azuwan & Arbak (2006), Fazal et al. (2010). Dalam kajian Nor Azuwan & Arbak (2006), beliau telah menganalisis struktur argumen bahasa berdasarkan penulisan berita dalam akhbar. Pengkaji menjelaskan bahawa peranan yang dimainkan oleh fitur semantik KK bahasa Melayu dari segi kasus dalaman dan jumlah argumen yang timbul pada struktur luaran sesebuah ayat. Hasil kajian ini menggunakan teori Nahuan Leksikal untuk menerangkan contoh KK bersama bilangan argumen secara langsung tanpa memberikan contoh ayat dalam kajian.

Kajian Fazal et al. (2010) pula menganalisis struktur argumen pada aspek yang berbeza. Dalam kajian ini, Fazal et al. (2010) mengkaji kata soal bahasa Mendriq dengan memfokuskan kata soal argumen sahaja. Perbincangan berfokuskan contoh-contoh ayat bahasa Mendriq dengan terjemahannya. Program Minimalis digunakan untuk mengkaji kata soal *naken* (siapa) dan *luk ai* dan *alow* (apa) untuk menjelaskan sifatnya *in situ* atau bergerak. Analisis sintaksis mendapati bahawa KOMP sememangnya mempunyai [uwh] yang kuat tetapi kekuatan berkenaan tidak mampu mewajibkan kata soal tersebut bergerak ke posisi skop. Sebaliknya, analisis ini telah mendakwa bahawa posisi Spek FkomP dihadiri oleh Op (operator kosong) pada posisi Spek FKOMP untuk menyemak fitur [uwh] yang kuat. kehadiran op pula tidak juga menghalang pergerakan kata soal argumen ke posisi skop.

Dalam kajian sintaksis bahasa Melayu Fazal et al. (2022), pengkaji meneliti slanga dalam media sosial dengan objektif menganalisis ayat selapis serta menjelaskan pembentukan ayat tidak formal melalui kerangka Program Minimalis. Data terdiri daripada contoh ujaran slanga yang diperoleh daripada WhatsApp dan Instagram. Metodologi yang digunakan ialah analisis kualitatif berasaskan minimalis dengan pemerian struktur ayat dan penjelasan ciri sintaktis yang mengatur pembentukan pola ayat dalam data tersebut. Hasil kajian menunjukkan bagaimana unsur inti dan fitur sintaksis memacu variasi bentuk ayat selapis slanga dalam media sosial. Selain itu, hasil kajian memperlihatkan kebolehlaksanaan kerangka Minimalis bagi menghuraikan struktur ayat tidak formal dalam bahasa Melayu kontemporari. Sorotan ini mengukuhkan

landasan teori bagi perbincangan lanjutan tentang hubungan kategori inti (termasuk KK) dengan pembentukan struktur dan argumen.

Seterusnya, Grimshaw (1990) sebagai pengkaji barat pernah membincangkan dan menyatakan bahawa struktur argumen mempunyai organisasi dalaman. Organisasi dalaman ini tidak ditentukan oleh setiap predikat. Namun begitu, organisasi dalaman ini diunjurkan daripada perwakilan semantik leksikal. Grimshaw mencadangkan bahawa teori argumen luaran yang bergantung kepada hasil dua analisis semantik berasingan, iaitu dari segi sifat aspek dan dari segi sifat semantik. Teori ini digunakan untuk menghuraikan beberapa sifat utama argumen luaran, memahami bagaimana penanda teta berfungsi dalam kasus domain yang banyak dan menerangkan kelakuan nahu bagi pelbagai kelompok KK.

Kajian Nomoto (2017) adalah berbeza jika dibandingkan dengan Grimshaw (1990) dengan memfokuskan data bahasa Melayu dengan meneliti proses nominalisasi KK, di samping pengaruhnya terhadap argumen. Nomoto (2017) memerikan fakta-fakta yang berkaitan dengan proses nominalisasi dalam bahasa Melayu dari sudut pandangan sintaksis dan mencadangkan inti analisis terhadap fenomena ini. Nomoto (2017) mengistilahkan argumen sebagai unsur yang penting bagi sesuatu kepala (head) apabila argumen digunakan untuk membezakan dua jenis frasa. Menurutnya, adjung diistilahkan sebagai unsur yang dikuasakan oleh kepala telah tidak mempunyai kepentingan yang tinggi. Dalam bahasa Inggeris, KK yang mengalami proses nominalisasi boleh mengambil argumen. KK bahasa Melayu pula mengalami proses nominalisasi melalui pengimbuhan dengan melibatkan imbuhan seperti *pen-*, *pe-*, *-an*, *per-...-an*, *pen-...-an*, *ke-...an*, dan *-nya*. Dalam hal ini, KK dilihat sebagai unsur yang mampu mempengaruhi sesuatu argumen, baik sebagai argumen dalaman mahupun argumen luaran.

Berdasarkan kajian-kajian lepas yang dihuraikan secara holistik, dapat menunjukkan bahawa KK dalam bahasa Melayu lazimnya dikaji melalui struktur atau bentuk dan juga aspek semantiknya. Walaupun terdapat kajian yang telah menyentuh tentang keterkaitan KK dalam bahasa Melayu dengan struktur argumennya, namun begitu, kajian tentang KK bahasa Melayu tidak mengambil sebarang argumen masih lagi belum diselidik dengan berpada. Kekurangan kajian-kajian terdahulu inilah menjadikan skop perbincangan terhadap KK dan struktur argumen dalam bahasa Melayu perlu beralih kepada skop perbincangan baharu, iaitu KK tanpa argumen dalam bahasa Melayu.

## Metodologi

Kajian ini bertujuan untuk menggambarkan penggunaan bahasa tulen penutur natif bahasa Melayu. Kajian ini merupakan kajian sintaksis yang berbentuk deskriptif dan empirikal berasaskan data bahasa Melayu *standard*. Data bahasa Melayu *standard* yang dicuplik ini merupakan data yang lazim digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran. Dengan erti kata lain, kajian ini berbentuk kualitatif yang merupakan proses penyelidikan tafsiran yang digunakan dalam sesebuah kajian ilmiah untuk mengkaji fenomena sains sosial dan manusia. Dalam hal ini, data kualitatif berbentuk deskriptif, berupa kata-kata lisan atau tulisan tentang tingkah laku manusia yang dapat diamati (Taylor & Bogdan, 1984).

Sehubungan dengan itu, kajian memfokuskan ayat standard bahasa Melayu sahaja dengan mengkhususkan kepada jenis KK cuaca. Dengan erti kata lain, pemilihan kata kerja cuaca *hujan* dan *panas* dipilih atas rasionalnya kerana kata kerja cuaca ini dapat berdiri sendiri tanpa sebarang argumen atau frasa nama subjek dalam ayat. Jenis data KK ini pula membuktikan bahawa terdapat KK dalam bahasa Melayu yang tidak mengambil FN subjek sebagai argumen. Untuk memerihalkan dan membuktikan jenis KK cuaca yang tidak mengambil sebarang argumen, jenis KK cuaca akan dianalisis dengan analisis fitur semantik Ray Jackendoff (1990) terlebih dahulu untuk membuktikannya sebagai KK (lazimnya jenis kata cuaca digolongkan dalam golongan kata nama atau kata adjektif dalam kamus). Hal ini akan dibincangkan dari aspek logik semantik (Allwood et al., 1993). Logik semantik adalah bidang linguistik yang berkaitan dengan analisis formal tentang hubungan antara tanda linguistik (seperti kata-kata atau frasa) dengan makna yang terkandung di dalamnya. Pendekatan ini melibatkan analisis formal dan pemodelan untuk memahami bagaimana makna terhasil dan diproses dalam bahasa. Analisisnya berfokus pada hubungan antara struktur sintaksis dan makna yang dikomunikasikan, serta bagaimana aspek pragmatik dan konteks mempengaruhi pemahaman makna. Secara keseluruhannya, matlamat logik semantik dalam sintaksis adalah untuk mengemukakan suatu



pendekatan sistematik tentang hubungan antara struktur dan makna bahasa semula jadi. Tujuannya pula adalah untuk meramalkan kepentingan makna dan memudahkan analisis fenomena dalam linguistik. Dengan menggunakan pendekatan ini, dapat diramalkan jenis kata kerja yang tidak akan mengambil apa-apa argumen dalam bahasa Melayu.

### Hasil Kajian dan Perbincangan

Kajian ini akan memanfaatkan jenis KK cuaca untuk menghuraikan kewujudan KK tanpa argumen dalam bahasa Melayu. Data KK cuaca yang akan digunakan ialah *hujan* dan *panas*. Mengikut ilmu leksikografi dalam *Kamus Dewan Perdana* (2014), golongan kata bagi kata *hujan* ialah kata nama manakala kata *panas* ialah kata adjektif. Dalam hal ini, kajian ini akan mengaplikasikan fitur semantik yang dihuraikan oleh Ray Jackendoff (1990). Beliau menyatakan bahawa konsep fitur semantik merupakan sebuah analisis untuk merepresentasikan dan menganalisis makna dalam bahasa. Dengan erti kata lain, sesuatu kata dapat difiturkan atau diunitkan dengan satu set fitur semantik. Oleh itu, fitur semantik ini dapat digunakan untuk membuktikan sifat kedua-dua kata ini juga mempunyai fitur kerjaan, iaitu sebagai KK.

10. **hujan:**    [+ cuaca]  
                  [+ jatuh]

Kata *hujan* mengikut analisis fitur semantik menunjukkan bahawa kata *hujan* ini memperlihatkan fitur cuaca. Namun begitu, oleh sebab fitur *hujan* itu memperlihatkan sifat '*jatuh*' atau '*falling*' menurunnya air hujan dari langit, fitur ini dapat dianalisis juga sebagai kata yang memperlihatkan fitur kerjaan. Dalam konteks ini, fitur kerjaan ini menyebabkan kata *hujan* dapat dibuktikan sebagai data jenis KK cuaca dalam bahasa Melayu.

11. **panas:**    [+ cuaca]  
                  [+ sensasi]  
                  [+ aktiviti suhu dan haba]

Kata *panas* mengikut analisis fitur semantik menunjukkan bahawa kata *panas* ini memperlihatkan fitur cuaca, di samping memperlihatkan fitur sensasi sebagai kata adjektif. Namun begitu, oleh sebab fitur *panas* itu memperlihatkan fitur '*aktiviti meningkatnya suhu dan haba*', fitur ini dapat dianalisis sebagai fitur kerjaan. Dalam konteks ini, fitur kerjaan ini menyebabkan kata *panas* dapat dibuktikan sebagai data jenis KK cuaca dalam bahasa Melayu.

Selepas membukikan kata *hujan* dan *panas* merupakan data jenis KK cuaca, seterusnya kajian ini akan menghuraikan data jenis KK cuaca ini sebagai jenis KK tanpa argumen dalam bahasa Melayu. Untuk menghuraikan bahagian ini, data *hujan* akan dianalisis terlebih dahulu. Berdasarkan logik semantik, kata *hujan* dapat direpresentasikan seperti berikut:

### 12. *hujan*

K (∅)

Analisis logik di atas menunjukkan bahawa predikat K sebagai *hujan* tidak mengambil apa-apa argumen, baik argumen subjek mahupun argumen objek dengan simbol logik ∅. Hal ini amat berbeza dengan bahasa Inggeris yang mempunyai subjek pleonastik yang berfungsi sebagai FN yang nyata dalam ayat – *it is raining*. Berpanduan Ramli Salleh (1995), fenomena bahasa ini tidak wujud dalam bahasa Melayu yang termasuk dalam kategori bahasa *non-pro-drop* kerana Bahasa Melayu tidak mempunyai subjek pleonastik yang selari dengan subjek pleonastik *it* dan *there* dalam bahasa Inggeris (lihat Mashudi 1981). Dengan erti kata lain, bahasa Melayu merupakan bahasa yang tidak memerlukan FN subjek yang nyata dalam ayat.




13. *hujan hari ini* → *hari ini hujan*:

K (∅, y)

Analisis logik di atas menunjukkan bahawa predikat K ialah *hujan* manakala y ialah *hari ini*, di samping ∅ yang menunjukkan kategori subjeknya yang kosong. Frasa *hari ini* yang terdapat pada *hujan hari ini* dapat dikedepankan dan menjadikannya sebagai *hari ini hujan*. Unsur *hari ini* yang hadir sesudah KK *hujan* bukanlah argumen objek, mahupun *hari ini* yang hadir sebelum KK *hujan* juga bukan argumen subjek. Analisis kajian ini membuktikan *hari ini* yang hadir sebelum dan sesudah KK *hujan* ialah kata adverba. Dengan merujuk contoh 13 di atas, dapat dilihat *hujan* ialah KK cuaca yang diikuti dengan frasa *hari ini*. Hal ini dikatakan demikian kerana frasa *hari ini* berfungsi sebagai unsur adverba (frasa adverba). Berdasarkan Allsop (1983) dan Nasrun & Shafiqah Amirah (2020), mereka berpendapat bahawa adverba boleh hadir pada tiga posisi, iaitu posisi pangkal ayat (sebelum subjek), posisi tengah ayat (sebelum FK), dan posisi akhir ayat (selepas predikat). Pada masa yang sama, menurut Nik Safiah et al. (2015), unsur adverba dapat hadir menerangkan KK *hujan* dari segi masa.

Penyataan di atas bertepatan dengan data *hujan hari ini* yang dapat juga digunakan dalam bentuk *hari ini hujan*. Dalam hal ini, frasa adverba yang dikedepankan tidaklah berfungsi sebagai argumen subjek mahupun argumen objek (jika tidak dikedepankan). Dengan erti kata lain, frasa adverba *hari ini* tidaklah berfungsi untuk mengisi kekosongan dalam nodus subjek tetapi hanya mengalami proses inversi (pendepanan) ke nodus projeksi komplementasi (KOMP) sahaja. Proses inversi ini melibatkan proses Ubah-Alfa (Ubah- $\alpha$ ) yang diperkenalkan oleh Chomsky (1981). Melalui proses Ubah- $\alpha$  frasa, adverba *hari ini* bergerak ke kepala I, dan meninggalkan tikas ( $t_i$ ) pada posisi asalnya. Kemudiannya, frasa adverba *hari ini* dari posisi I bergerak sekali lagi ke hadapan nodus Adverba yang dinaungi oleh projeksi KOMP. Dengan ini, dapat dibuktikan bahawa KK cuaca *hujan* merupakan KK tanpa argumen dalam bahasa Melayu, yang hanya mengambil unsur adverba jika diperlukan. Pada masa yang sama, frasa adverba *hari ini* juga tidaklah berfungsi sebagai argumen subjek mahupun objek, tetapi terhad dengan fungsinya dalam menerangkan KK *hujan* dari segi masa. Proses ini direpresentasikan melalui X-Berpalang berikut:

Rajah 2. Proses Ubah- $\alpha$  Adverba ke Posisi Subjek bagi Frasa Kerja 13


14. *panas*K ( $\emptyset$ )

Analisis logik di atas menunjukkan bahawa predikat K sebagai *panas* tidak mengambil apa-apa argumen, baik argumen subjek mahupun argumen objek dengan simbol logik  $\emptyset$ . Hal ini amat berbeza dengan bahasa Inggeris yang mempunyai subjek pleonastik yang berfungsi sebagai FN yang nyata dalam ayat – *it is hot*. Berpandukan Ramli (1995), fenomena bahasa ini tidak wujud dalam bahasa Melayu yang termasuk dalam kategori bahasa *non-pro-drop* kerana Bahasa Melayu tidak mempunyai subjek pleonastik yang selari dengan subjek pleonastik *it* dan *there* dalam bahasa Inggeris (lihat Mashudi 1981). Dengan erti kata lain, bahasa Melayu merupakan bahasa yang tidak memerlukan FN subjek yang nyata dalam ayat.

15. *panas semalam*  $\rightarrow$  *semalam panas*:K ( $\emptyset$ , y)

Analisis logik di atas menunjukkan bahawa predikat K ialah *panas* manakala y ialah *semalam*, di samping  $\emptyset$  yang menunjukkan kategori subjeknya yang kosong. Kata *semalam* yang terdapat pada *panas semalam* dapat dikedepankan dan menjadikannya sebagai *semalam panas*. Unsur *semalam* yang hadir sesudah KK *panas* bukanlah argumen objek, mahupun *semalam* yang hadir sebelum KK *panas* juga bukan argumen subjek. Analisis kajian ini membuktikan *semalam* yang hadir sebelum dan sesudah KK *panas* ialah kata adverba. Dengan merujuk contoh 15 di atas, dapat dilihat *panas* ialah KK cuaca yang diikuti dengan unsur *semalam*. Hal ini dikatakan demikian kerana unsur *semalam* ialah unsur bahasa yang berfungsi sebagai unsur adverba (frasa adverba). Berdasarkan Jake Allsop (1983) dan Nasrun & Shafiqah Amirah (2020), mereka berpendapat bahawa adverba boleh hadir pada tiga posisi, iaitu posisi pangkal ayat (sebelum subjek), posisi tengah ayat (sebelum FK), dan posisi akhir ayat (selepas predikat). Pada masa yang sama, menurut Nik Safiah et al. (2015), unsur adverba dapat hadir menerangkan KK *panas* dari segi masa.

Penyataan di atas bertepatan dengan ayat *panas semalam* yang dapat juga digunakan dalam bentuk *semalam panas*. Dalam hal ini, frasa adverba yang dikedepankan tidaklah berfungsi sebagai argumen subjek mahupun argumen objek (jika tidak dikedepankan). Dengan erti kata lain, kata adverba *semalam* tidaklah berfungsi untuk mengisi kekosongan dalam nodus subjek tetapi hanya mengalami proses inversi (pendepanan) ke nodus projeksi komplementasi (KOMP) sahaja. Proses inversi ini melibatkan proses Ubah-Alfa (Ubah- $\alpha$ ) yang diperkenalkan oleh Chomsky (1981). Melalui proses Ubah- $\alpha$ , kata adverba *semalam* bergerak ke kepala I, dan meninggalkan tikas ( $t_i$ ) pada posisi asalnya. Kemudiannya, kata adverba *semalam* dari posisi I bergerak sekali lagi ke hadapan nodus Adverba yang dinaungi oleh projeksi KOMP. Dengan ini, dapat dibuktikan bahawa KK cuaca *panas* merupakan KK tanpa argumen dalam bahasa Melayu, yang hanya mengambil unsur adverba jika diperlukan. Pada masa yang sama, kata adverba *semalam* juga tidaklah berfungsi sebagai argumen subjek mahupun objek, tetapi terhad dengan fungsinya dalam menerangkan KK *panas* dari segi masa. Proses ini direpresentasikan melalui X-Berpalang berikut:



Rajah 3. Proses Ubah- $\alpha$  Adverba ke Posisi Komplementasi bagi Frasa Kerja 1

## Kesimpulan

Kajian ini merupakan perbincangan lanjutan daripada isu yang pernah disentuh oleh Ramli Salleh (2006) yang menyatakan bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa *non-pro-drop* yang tidak mempunyai subjek pleonastik yang setara dengan *it* dan *there* dalam bahasa Inggeris. Dalam hal ini, nodus subjek dalam bahasa Melayu boleh bersifat nyata ataupun tidak nyata. Kajian juga membuktikan bahawa jenis data KK cuaca dalam bahasa Melayu merupakan data yang jitu sebagai KK tanpa argumen dalam bahasa Melayu.

Untuk membuktikan jenis KK cuaca *hujan* dan *panas* yang merupakan berstatus KK, dan bukannya seperti yang dicatat dalam kamus (kata nama dan kata adjektif), analisis fitur semantik telah dimanfaatkan. Selanjutnya, dalam membuktikan KK *hujan* dan *panas* yang tidak mengambil apa-apa argumen, pendekatan logik semantik turut digunakan. Pada masa yang sama, kehadiran adverba seperti *hari ini* dan *semalam* yang mendahului dan mengikuti KK cuaca turut diuraikan, di samping memerihalkan kehadiran adverba yang tidak boleh dikategorikan sebagai argumen subjek dan argumen objek. Oleh itu, dapatan kajian ini diharapkan menjadi pelengkap dan rujukan tambahan kepada kajian KK bahasa Melayu pada masa akan datang.

**Penghargaan:** Penulis merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam membantu untuk menyiapkan artikel ini.

**Konflik Kepentingan:** Pengkaji tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan antara semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam kajian ini.

## Rujukan

- Alias, N., & Abdullah, N. S. A. (2020). Frasa adverba dalam *Tuhfat al-Nafis*. *Jurnal Melayu*, (Isu Khas Disember 2020), 390–404. <https://journalarticle.ukm.my/16326/>
- Alizuddin, N. A., Sultan, F. M. M., & Hamzah, S. N. (2024). Kajian Tinjauan Literatur Sistematis (SLR) berkaitan dialek Melayu menggunakan pendekatan Program Minimalis. *e-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities*, 21(2), 214–224. <https://doi.org/10.17576/ebangi.2024.2102.19>
- Allsop, J. (1983). *Cassell's students' English grammar*. Cassell.
- Allwood, J., Andersson, L.-G., & Dahl, Ö. (1993). *Logic in linguistics*. Cambridge University Press.
- Chomsky, N. (1965). *Aspects of the theory of syntax*. MIT Press.
- Chomsky, N. (1981). *Lectures on government and binding: The Pisa lectures*. Foris Publications.
- Davies, W. D., & Dubinsky, S. (2004). *The grammar of raising and control: A course in syntactic argumentation*. Blackwell Publishing.
- Grimshaw, J. (1990). *Argument structure*. MIT Press.

- Haegeman, L. (2020). *Introduction to government and binding theory* (2nd ed.). Wiley-Blackwell. (Original work published 1994).
- Omar, A. H. (2009). *Nahu Melayu mutakhir* (Edisi kelima). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hale, K. (1983). Warlpiri and the grammar of non-configurational languages. *Natural Language & Linguistic Theory*, 1(1), 5–47. <https://doi.org/10.1007/BF00210374>
- Jackendoff, R. S. (1992). *Semantic structures*. MIT Press.
- Jackendoff, R. (2002). *Foundations of language: Brain, meaning, grammar, evolution*. Oxford University Press.
- Kader, M. B. H. (1981). *The syntax of Malay interrogatives*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Karim, N. S., Onn, F. M., Musa, H. H., & Mahmood, A. H. (2015). *Tatabahasa Dewan* (Edisi ketiga). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Morenberg, M. (2014). *Doing grammar* (5th ed.). Oxford University Press.
- Nomoto, H. (2017). Sintaksis nominalisasi bahasa Melayu. In R. A. Razak & R. Yusoff (Eds.), *Aspek teori sintaksis bahasa Melayu* (pp. 71–117). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rothstein, S. D. (1995). Pleonastics and the interpretation of pronouns. *Linguistic Inquiry*, 26(3), 499–529.
- Salam, R. (2019). *Penandaan kasus bahasa Melayu* [Unpublished master's thesis]. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Salleh, R. (1995). *Sintaksis bahasa Melayu: Penerapan teori kuasa dan tambatan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Salleh, R. M. (2006). Imbuhan dan penandaan tematik dalam bahasa Melayu. *Jurnal Melayu*, 2, 19–51. <https://journalarticle.ukm.my/2949/>
- Shaari, M. R. I. (2004). Objek sifar dalam ketransitifan bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*, 4(3), 506–532.
- Sultan, F. M. M., & Pisol, M. S. A. (2022). Slanga dalam media sosial: Satu pendekatan minimalis. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 19(3, Isu Khas), 151–161.
- Sultan, F. M. M., Ahmad, Z., Jalaluddin, N. H., & Radzi, H. (2010). Kata kerja transitif bahasa Mendriq: Kerangka program minimalis. *Jurnal Melayu*, 5, 409–423. <https://journalarticle.ukm.my/1461/>
- Sultan, F. M. M., & Othman, S. A. B. (2021). Frasa topik dan fokus dalam bahasa Melayu: Analisis program minimalis. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 21(2), 195–214. <https://doi.org/10.17576/gema-2021-2102-10>
- Taylor, S. J., & Bogdan, R. (1984). *Introduction to qualitative research methods: The search for meanings* (2nd ed.). Wiley.
- Yaakob, N. A., & Othman, A. (2006). Maklumat leksikal dalam struktur kasus dan argumen dalam penulisan berita. *Jurnal Bahasa*, 6(4), 627–656.
- Yusof, M. (2018). Struktur semantik aktionsart kata “ada”. *Jurnal Melayu*, 17(2), 197–209.
- Yusof, M., & Rosly, N. J. (2018). Hubungan semantik dan sintaksis kata kerja gerak bersifat pemilikan: Satu pendekatan struktur konseptual. *Jurnal Bahasa*, 18(1), 46–64.
- Yusof, M., Aman, R., Harun, K., Hamid, S., & Ma'alip, S. A. (2010). Perkaitan semantik kata kerja bahasa Banjar Kuala: Satu analisis varian Kuin, Banjarmasin. *Jurnal Melayu*, 5(1), 87–102. <https://journalarticle.ukm.my/8209/>
- Yusof, M., Razak, R. A., & Ahmad, Z. (2008). Pengelasan kata kerja bahasa Melayu: Pendekatan semantik berdasarkan Role and Reference Grammar (RRG). *Jurnal Bahasa*, 8(2), 242–262.
- Za'ba. (2000). *Pelita bahasa Melayu: Penggal I–III*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zawawi, A. S., & Mohamed Sultan, F. M. M. (2023). Analisis *ada* sebagai kata kerja dwikomplemen: Suatu pendekatan minimalis [An analysis of *ada*, as a dicomplement verb: A minimalist approach]. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 23(2), 119–143. <https://doi.org/10.17576/gema-2023-2302-07>